

# WARTA DARUL IMAN

TEPAT | PADAT | BERMAKLUMAT



BILANGAN 16

PERCUMA

**TDM**  
Sasar Kekal  
Pencapaian  
Luar Biasa  
-MS7

**MERIAM**  
di Bukit Puteri  
Singkap Sejarah  
-MS11

**PENANTIAN  
10 TAHUN**  
Penduduk Berakhir  
-MS15

**MOSTI  
MENITI MISI JULANG  
BAKAT TEMPATAN**

- MS 4, 5, 6

**TFC**  
Sasar Berdiri Sendiri  
Selepas 2021  
-MS29

**DATARAN  
BATU PUTIH**  
Pedalaman Yang  
Tenang Dan  
Nyaman  
-MS9



TRD.my

# SIDANG REDAKSI

WARTA DARUL IMAN



## PENAUNG

**YB UST MOHD NOR HAMZAH**  
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan,  
Dakwah dan Penerangan



SURIATI ALI |  
Wartawan

HUSAIF MAMAT |  
Editor

TENGGU SYAMIM |  
Jenifoto

UST SOUD SAID |  
Pengarah UPDI

FATIN RAIHANAH |  
Grafik, Susun Atur

MASTURA JAMAL DIN |  
Wartawan

AFINI YAHAYA |  
Wartawan

SYAIFUL MUSTAFA |  
Jenifoto

SAZALI MOHD NOOR |  
Ketua Pengarang

NORAINI JUSOH |  
Wartawan

IRSYADI ABU BAKAR |  
Wartawan

## LAMAN RASMI

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU



TV Darul Iman



TRDI.my

<https://www.trdi.my/>



URUS SETIA PENERANGAN DARUL IMAN

Urus Setia Penerangan Darul Iman- UPDI



@updi\_terengganu

# Tarbiah daripada TENGGUJUH

**G**losari meteorologi mencatatkan perkataan 'tengkujuh', disebut juga sebagai musim hujan atau musim monsun, merujuk keadaan cuaca hujan turun dengan lebat, mencurah-curah, satu tempoh masa lebih sebulan dalam setahun.

Suatu masa dahulu, musim yang biasanya membawa bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh, asing kepada masyarakat Pantai Barat Semenanjung berbanding negeri-negeri di Pantai Timur.

Sehinggakan ada yang menghina lumrah alam semulajadi dan takdir Allah menjadi bahan ejekan siasah daripada politikus yang tidak pernah merasai 'musim hijau' itu.

Pernah ditohmah juga, bah yang melanda negeri-negeri 'di serambi' kerana tidak pandai menjaga alam sekitar, menggondol bukit bukau dan menghapus hutan, lalu berlaku banjir.

Sehinggalah satu ketika, kawasan yang dianggap lebih maju dan ke hadapan dalam soal perbandaran, tidak semena-mena ditenggelami air.

Sesungguhnya ada hikmah, apabila ada satu tempoh,

matahari tidak kelihatan, kadang-kadang memakan masa seminggu, diliputi awan hitam tebal, apabila angin Timur Laut membadaai.

Tatkala dilanda musibah, makhluk lemah ciptaan Allah, akan merintih dan mengadu kepadaNya kerana sesungguhnya tiada daya upaya kepada manusia melawan ketentuan Ilahi.

Sudah diberitakan melalui kitabullah banyak kisah, malapetaka yang melanda mahu menyedarkan, memberi peringatan bertujuan mendidik insan.

Hatta nabi juga ditimpakan bencana banjir besar supaya menjadi iktibar, sesungguhnya hidayah Allah juga bukan manusia yang menentukannya!

Fenomena alam termasuk tengkujuh sebaliknya adalah tarbiah, anugerah Allah yang mahu kita semua mensyukuri setiap nikmat yang dilimpahkanNya dalam kehidupan ini.

Dipamerkan kepada kita ombak yang tenang menjadi bergelora, memberi ruang kepada hidupan dibawahnya membiak, menyediakan rezeki kepada nelayan yang tidak turun ke

Laut China Selatan pada musim tengkujuh.

Hujan lebat mengubah lanskap alam, membokeh pepohon, menghakis tanah dan pantai, menimbulkan pulau serta daratan baru, memutar pusingan ekonomi, membuka peluang kehidupan yang lain.

Pengalaman merasai sendiri gempa di Kathmandu, Nepal dan Lombok, Indonesia lebih menakutkan kerana bumi yang bergegar tidak mengalih walau sebatang pokok, namun bangunan tinggi binaan manusia, rata kembali menjadi tanah!

Saya memohon ampun kepada Allah dan maaf kepada semua atas kesilapan catatan pada penerbitan Edisi 14, bertajuk "Jangan Alpa".

Pada para enam, sebenarnya ia bermaksud "Agama membawa pengikutnya kepada suatu kebenaran, kebaikan kepada mereka yang berbuat 'makruf dan menentang sebarang mungkar serta ketidakadilan".

*Haji Saizali Mohd Noor*  
Ketua Pengarang Warta Darul Iman



# MOSTI

## MENITI MISI JULANG BAKAT TEMPATAN

Penularan pandemik Covid-19 benar-benar merentap persepsi masyarakat tentang tahun 2020. Pelbagai usaha digerakkan kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang menghimpunkan kementerian dan jabatan yang bertindak selaku barisan hadapan negara memerangi pandemik ini.

Antara yang turut terlibat ialah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Meskipun tidak bertugas di lapangan sebagai anggota keselamatan dan kesihatan yang menyantuni masyarakat secara langsung, jabatan-jabatan di bawah MOSTI memainkan peranan secara langsung melalui penyelidikan terhadap pandemik tersebut.

Kini, hampir setahun sejak detik itu berlaku dan kita masih dalam peperangan menjinakkan Covid-19, wartawan Warta Darul Iman (WDI), Mohd Irsyadi Abu Bakar sempat menyingkap pengalaman ahli Parlimen Kuala Terengganu merangkap Timbalan Menteri MOSTI sebagai individu yang terlibat secara langsung dalam perjalanan detik tersebut.

### Soalan

Dalam era pandemik Covid-19 melanda negara, YB ditugaskan membantu memimpin dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, tentunya YB perlu banyak belajar dan memahami perkara-perkara baharu untuk beradaptasi dengan hal itu.

### Jawapan

Benar, satu cabaran yang besar biasanya apabila kita pegang satu 'post' (jawatan) yang baru, kita perlu mengambil tempoh masa tertentu yang mana kita perlu ke jabatan untuk suai kenal staf dan sebagainya.

Tambahan pula, MOSTI memiliki banyak agensi dibawahnya dan melibatkan cakupan yang cukup luas.

Pertama sekali, saya ingin berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan yang mana ia sebenarnya satu amanah besar untuk membawa nama baik kerajaan, terutama kepada jemaah PAS sendiri yang saya wakili.

Sejujurnya, saya juga baru kali pertama di parlimen. Jadi, ketika tiba-tiba kerajaan Perikatan Nasional (PN) terbentuk saya tidak jangka kabinet akan memasukkan saya sebagai salah seorang daripadanya dengan berperanan sebagai timbalan menteri.

Saya masuk sebagai kerajaan pada masa Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP). Ketika itu, saya tidak boleh melawat, meninjau dan ia satu perkara mencabar. Bagaimanapun, ia tidak menghalang saya untuk belajar segera berkait bidang ini.

Secara umumnya, kata orang saya boleh 'survive' lah. Saya pun bertuah kerana Menteri MOSTI, YB Khairy Jamaluddin pada saya mempunyai tempo yang sama dengan saya, kami bercakap bahasa yang sama, bergerak dalam rentak yang lebih kurang sama dan perkara ini banyak membantu melancarkan urusan MOSTI.

### Soalan

MOSTI turut diberikan peranan penting dalam menangani pandemik yang melanda?

### Jawapan

Menariknya, MOSTI dalam perihal Covid-19 ini menjadi antara kementerian yang diletakkan di baris hadapan kerana ia berkait rapat dengan usaha pencarian masalah virus itu sendiri.

Dalam kementerian, kita banyak menggerakkan agensi penyelidikan yang banyak di bawah MOSTI antaranya untuk melaksanakan penjujukan genom,

selain turut dipertanggungjawabkan dalam teknologi berkaitan prosedur operasi standard (SOP) pencegahan penularan pandemik serta urusan kerajaan.

Ketika itu, kita menghadapi masalah untuk mendapatkan kuantiti saringan secukupnya menyebabkan MOSTI terpaksa mengaturkan makmal-makmal yang mempunyai kelayakan mencukupi supaya ia boleh dikendalikan.

Ini termasuklah makmal-makmal yang berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

### Soalan

Jadi, sepanjang terlibat dalam bidang ini bagaimana pengamatan YB tentang perkembangan sains dan teknologi di negara kita?

### Jawapan

Malaysia sebenarnya mempunyai bakat yang ramai. Sistem pendidikan kita di pelbagai peringkat telah melahirkan ramai ilmuwan dalam kalangan kita.

Namun, walaupun kita mempunyai tahap inovasi yang sangat tinggi, tetapi dari segi tahap bagaimana kita menghubungkan inovasi penyelidikan yang ada dengan industri iaitu menukarkan subjek penemuan menjadi satu subjek yang boleh diguna pakai perlu dinilai semula.

Saya rasa ada jurang yang perlu diberikan tumpuan sangat besar bagi membolehkan masyarakat kita menerima inovasi itu.

Saya tengok itu antara cabaran besar iaitu bagaimana kita mengkomersialkan penemuan yang dibuat oleh para saintis pada peringkat tempatan.

### Soalan

Adakah perkara ini turut menjadi tumpuan MOSTI?

### Jawapan

Benar, ini antara tumpuan MOSTI yang diperkasakan iaitu kita berhasrat untuk mengaplikasi hasil-hasil kajian ini di lapangan.

Itu juga tentang bagaimana kita membantu syarikat-syarikat pemula ('start up') dalam kalangan anak muda kita.

Bagaimana kita boleh membantu dengan suntikan modal, kepakaran serta pemasaran supaya mereka boleh menjadi syarikat yang boleh berdaya saing di peringkat antarabangsa?

Untuk makluman semua, kita sebenarnya banyak membantu melalui geran-geran sama ada dalam bentuk penyelidikan yang bersifat inovasi sosial di kalangan orang biasa untuk memudahkan kehidupan.

Kita ada banyak geran lebih RM300,000 yang ditawarkan di bawah Yayasan Inovasi Malaysia.

Melibatkan inovasi lebih tinggi pula kita ada Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cradle Fund dan bagi membabitkan gerakan korporat lebih tinggi kita ada Kumpulan Modal Perdana bagi membantu usahawan kita memperkembangkan lagi kemampuan dan perniagaan mereka.

Antara yang telah berjaya di bawah bimbingan MOSTI sehingga ke peringkat antarabangsa ialah syarikat Grab.

Manakala, dalam teknologi dron kita ada sekitar 12 syarikat yang dibantu untuk dimajukan, dan salah satunya Aerodyne System yang sekarang berada pada tangga kedua di peringkat dunia dari segi teknologi dron.

### Soalan

Hebat, namun bagaimana pula dengan penglibatan generasi muda dalam bidang sains hari ini?

### Jawapan

Saya juga tengok adanya penurunan membimbangkan dalam bidang sains dan teknologi, kejuruteraan serta matematik yang mana saya rasa perlu diberi penekanan.

Dahulu, ramai rakyat kita yang minat sains dan matematik. Sekiranya minat tersebut tidak disuburkan jadi kita akan berdepan masalah.

Ini kerana, masa depan negara kita akan banyak bergantung bagaimana kita mengguna pakai teknologi di masa akan datang.

Malah, apabila kita bercakap tentang Revolusi 4.0 yang sedang diperkasakan sekarang, ia banyak menjurus kepada penggunaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti kerja dan kualiti kerja.

### Soalan

Jadi, mungkin Terengganu memiliki kelebihan dalam aspek ini kerana kita ada Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) untuk memupuk perkembangan minat terhadap sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda. Betul YB?

### Jawapan

Saya pernah beberapa kali membawa anak-anak ke PSKT di Kampung Laut.

Bercakap tentang hal ini, kita sebenarnya mempunyai pusat sains yang sangat selesa dan boleh dimanfaatkan bagi membangkitkan minat anak-anak kita terhadap sains.

Di bawah MOSTI sendiri kita ada Pusat Sains Negara dan beberapa lokasi yang dibahagikan mengikut zon untuk penumpuan kita.

Sesetengah negeri memang mengambil pendekatan membangunkan pusat sains sendiri dan Terengganu bernasib baik kerana kita mempunyai PSKT yang sebenarnya sangat penting.

Melaluinya, kita boleh meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap sains dan teknologi. Ramai yang ingat, ia terkait dengan perkara tertentu sahaja. Namun, sebenarnya sains teknologi berkait rapat dengan kehidupan seharian kita.

Bagaimana kita boleh menarik minat untuk meningkatkan bilangan pelajar dalam jurusan Science Technology Engineering Mathematics (STEM)?

Di MOSTI, Pusat Sains Negara sering menganjurkan Minggu Sains Negara, jadi saya melihat kementerian boleh membantu PSKT dengan menambah kandungan dan pengisian di dalamnya kerana kita ada banyak bahan yang boleh dibawa sebagai pinjaman dalam program tertentu dan juga program jangka panjang yang boleh dirangka.

Kita boleh berkerjasama dalam menganjurkan program yang sebahagiannya bersifat tempatan dan juga antarabangsa kerana PSKT mempunyai kawasan luas yang boleh digunakan.

Alhamdulillah, PSKT juga telah bergerak ke arah itu baru-baru ini dengan meminta MOSTI membantu menjayakan persembahan maya (virtual) untuk menarik minat orang ke sana dan saya sedang membuat sokongan untuk mempertimbangkan perkara ini.

-bersambung di muka surat 6

-sambungan muka surat 5

### Soalan

Terakhir, seperti yang dimaklumkan tadi YB juga pertama kali berperanan sebagai ahli parlimen. Jadi, bagaimana pula YB membahagikan tumpuan di kawasan yang diwakili?

### Jawapan

Satu perkara yang saya rasa bersyukur sejak awal kemenangan saya di Kuala Terengganu dahulu, memang saya memberi fokus besar dari segi mewujudkan Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Kuala Terengganu yang tersusun.

PKM ini berperanan besar kerana merekalah yang bertindak memastikan perkhidmatan di seluruh Kuala Terengganu berjalan seperti biasa dengan arahan dan perancangan kami secara berpasukan.


Bantuan disalurkan program pembangunan serta jadual saya sewaktu di Terengganu juga diuruskan dengan baik oleh pasukan ini.

Terima kasih, kerana mereka banyak membantu saya dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

-Tamat-



### 4 FOKUS DSTIN 2021-2030



### 9 SASARAN UTAMA DSTIN



# TDM Sasar Kekal Pencapaian Luar Biasa

Oleh: Husaif Mamat | Foto: TDM



TDM  
BERHAD

EKONOMI

Layari:

[www.tdmberhd.com.my](http://www.tdmberhd.com.my) / [www.kmihealthcare.com](http://www.kmihealthcare.com)

[f](#) [@](#) [in](#) @TDMBerhad/ @KMIHealthcare

**T**DM Berhad (TDM) yang didaftarkan pada 1 Disember 1965 adalah sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Kuala Lumpur semenjak tahun 1970 dan merupakan sebuah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Terengganu serta ahli kumpulan Terengganu Incorporated.

TDM telah merekodkan pencapaian yang memberangsangkan pada suku ketiga tahun ini dengan peningkatan melebihi 100% berbanding suku yang sama tahun pada tahun sebelumnya.

Dengan prestasi yang cemerlang ini, TDM menyasarkan untuk terus mengekalkan pencapaian luar biasa pada tahun-tahun mendatang.

Pengerusinya, Raja Dato' Idris Raja Kamarudin berkata, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, seperti kejatuhan harga minyak sawit mentah (CPO), pandemik COVID-19, ketidaktentuan disebabkan perang dagangan USA-China, prestasi Kumpulan TDM bagi suku ketiga tahun 2020 begitu memberangsangkan terutamanya di bahagian perladangan.

Malah katanya, pendapatan Kumpulan juga bertambah sebanyak 15 peratus kepada RM121.4 juta berbanding suku sebelumnya.

"Bahagian penjagaan kesihatan yang telah terjejas disebabkan pandemik COVID-19 pada suku pertama dan kedua tahun 2020 sudah mula pulih pada suku ketiga ini.

Sejak pandemik COVID-19, KMI Healthcare telah keluar daripada kebiasaan dalam operasi perniagaan harian dengan semua Hospital KMI di



KMC dan KTS Hospital, 2 daripada 4 hospital milik TDM di bawah kelolaan KMI Healthcare mempunyai Makmal Kateterisasi Jantung (Cathlab).

Lembah Klang, Terengganu dan Pahang kini menawarkan khidmat rundangan dalam talian, lawatan ke rumah dan perkhidmatan penghantaran dalam beberapa bidang terpilih seperti penjagaan kejururawatan, fisioterapi, farmasi, makanan dan kesihatan," katanya kepada Warta Darul Iman.

Di samping itu, dalam mendukung aspirasi Kerajaan Negeri seiring dengan Belanjawan 2021, Kumpulan TDM jelasnya telah merangka strategi untuk mempelbagaikan perniagaan teras bahagian perladangan.

"Pengambilalihan TDM-YT Plantation baru-baru ini adalah salah satu inisiatif utama dalam usaha syarikat untuk meningkatkan pengeluaran dan meningkatkan profil umur pokok kelapa sawit.

"Selain kelapa sawit, bahagian perladangan TDM turut menanam Nanas MD2 seluas 20 hektar di Ladang Jerangau.

"Bukan itu sahaja, syarikat juga dalam proses meneroka tanaman "cash crop" lain dan akan bekerjasama dengan Terengganu Agrotech Development Operation (TADC) untuk mendapat sokongan memasarkan hasil tanaman bersama produk tempatan yang sedia ada.

"TDM juga sedang menyelidiki peluang-peluang dalam bidang perikanan seperti buluh dan "sustainable forest" di kawasan yang tidak sesuai untuk penanaman kelapa sawit.

"Penjualan hasil tanaman ini secara langsung mendukung dan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Terengganu," ujar Raja Dato' Idris.

Mengulas mengenai keadaan ekonomi negara amnya dan kelangsungan hidup anak-anak Terengganu khususnya, beliau memaklumkan Kumpulan TDM sentiasa mewujudkan peluang

pekerjaan di bahagian perladangan dan penjagaan kesihatan.

"Pihak syarikat, melalui galakan kemahiran teknikal seiring dengan teknologi terkini, menyediakan peluang latihan mekanisasi dan automasi di ladang terutamanya kepada anak tempatan," jelas beliau.

Penambahbaikan Kumpulan tidak terhenti setakat itu apabila pada 27 November lalu TDM Berhad telah disenaraikan semula sebagai salah satu daripada 715 sekuriti Patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di Bursa Malaysia.

"Alhamdulillah pengiktirafan ini adalah satu bukti bahawa TDM sentiasa mempraktikkan nilai patuh Syariah di mana semua tatacara kerja dalam Kumpulan TDM adalah dipantau bagi memastikan setiap perniagaan adalah mengikut garis panduan muamalat.

"Dengan penyenaian semula TDM ini, Insha-Allah saham syarikat pasti kembali mendapat sokongan tabung dan pelabur berteraskan pelaburan Syariah yang tidak berpeluang berbuat sedemikian sejak tahun 2015.

"TDM juga telah menubuhkan jabatan Syariah dan Sahsiah yang menjadi ejen rujukan khidmat nasihat, dan pemantau kepatuhan Syariah, dan kebajikan para wargakerja TDM.

"Kami berdoa dan bermunajat kepada-Nya, semoga Allah SWT memberkati usaha Kumpulan TDM untuk terus memberikan nilai dalam membantu rakyat, komuniti dan Kerajaan Negeri," tambah beliau.



Selain sumbangan topeng muka, termometer inframerah dan sabun pembersih tangan, Kumpulan TDM turut menyumbang RM1.0 juta kepada Kerajaan Negeri Terengganu bagi membantu golongan yang memerlukan.

# 19 Tahun Hussin Terajui Presiden Yayasan Amal Malaysia

Oleh: Suriati Ali | Foto: Tengku Syamim

**P**engasas dan Presiden Yayasan Amal Malaysia (YAM), Hussin Ismail, 65, telah dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah sempena majlis sambutan Maal Hijrah 1442H peringkat Terengganu.

Sepanjang 47 tahun penglibatan dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), anak jati Kampung Tebakang, Marang itu telah mengetuai pelbagai program-program di peringkat antarabangsa antaranya misi dakwah bukan Islam di rantau Afrika dan pembangunan semula Marawi di Selatan Filipina.

Hussin berkata, minat dan timbul rasa tanggungjawab, menyebabkan dia berusaha menubuhkan YAM sekitar 2001, di mana ketika itu tidak banyak NGO yang bergiat aktif bantu masyarakat.

“Jasa YAM yang bermisikan ‘NGO Pilihan Dunia’ pernah mengislamkan kira-kira 2,000 masyarakat pelbagai bangsa di puluhan negara sejak ditubuhkan.

“Saya akan teruskan usaha murni ini bersama 3,000 sukarelawan YAM dengan menganjurkan pelbagai aktiviti, antara yang terbaru wakaf al-Quran, Food 4 Siswa, Sejuta al-Quran Untuk Afrika, Program Qurban dan Akikah Republik Chad dan Misi Antarabangsa dan Kemanusiaan,”katanya.

Hussin memulakan kerjaya awal sebagai guru Sains di Sekolah Menengah Tengku Ampuan Intan di Kuala Berang, Hulu Terengganu, kemudiannya meneruskan kerjayanya dalam bidang korporat dan kini menyandang jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah Pangkalan Bekalan Kemaman (KSB).

Di sebalik kesibukannya itu, bapa kepada sembilan anak yang kesemuanya bergelar hafiz dan hafizah itu turut menubuhkan rangkaian sekolah tahfiz, Akademi al-Quran Amalillah sejak tiga tahun lalu.

## KERJAYA

- Pengasas & Pengerusi Executive, Rangkaian Sekolah Tahfiz Fast Track- Akademi al-Quran Amalillah (2018-Sekarang)
- Pengasas & Timbalan Pengerusi (Eksekutif) Ahli Majlis Perunding Pusat Dakwah Serantau (PDS) - (2010-Sekarang)
- Ahli Lembaga Pengarah Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (MTI) - (1982-Sekarang)
- Pengerusi Lembaga Pengarah Kemaman Supply Base S/B.GLC Negeri Terengganu - (2018-Sekarang)
- Setiausaha Politik MB Terengganu 1999-2004

## KEGIATAN NGO

- Pengasas dan Presiden Yayasan Amal Malaysia (2001-Sekarang)
- Pengasas / Pengerusi Eksekutif Muktamar Dakwah Malaysia (2019-Sekarang)
- Pengasas & mengetuai sekretariat bersama Human Development Academy (HUDA) dakwah non-Muslim rantau Afrika, kolaborasi Yayasan Amal Malaysia dan Islamic University in Uganda (IUIU) (2019-Sekarang)
- Pengerusi Jawatankuasa pemuliharaan Marawi (Ground Zero of Marawi, 2019-Sekarang)
- Pengasas & Presiden International Federation for Relief & Development IFRD (2010-Sekarang)
- Pengasas & Pengerusi Pertubuhan Kebajikan, Pendidikan & Pengajian Al-Quran Amalillah Malaysia (2019-Sekarang)
- Pengasas & Pengerusi ketua serantau Sekretariat Dakwah Rantau Asean (SEDAR) 2019-Sekarang

## PENDIDIKAN

- Universiti Pertanian Malaysia, Diploma: Sains dan Pendidikan (1975 - 1979)
- Sekolah Menengah Alam Shah, Cheras, Kuala Lumpur. SPM/STP (1971 - 1974)
- Sekolah Menengah Padang Midin, Kuala Terengganu. SRP (1968 - 1970)
- Sekolah Rendah Kebangsaan Tasik, Bukit Payong, Kuala Terengganu (1961 - 1967)

## POLITIK

- Pengerusi Tetap PAS Pusat (2012-Sekarang)
- Timb Ketua Lujnah Dakwah PAS Pusat (2015-Sekarang)
- Ahli Jawatan Kuasa PAS Kawasan Marang (1984-Sekarang)



# • DATARAN • • BATU PUTIH •

## Pedalaman Yang Tenang Dan Nyaman



Oleh: Suriati Ali | Foto: Tengku Syamim

Pemandangan yang sangat tenang, suasananya cukup nyaman dan menyegarkan, pengalaman unik bagi sesiapa yang berpeluang menjejak kaki ke Dataran Batu Putih (DBP), Marang.

Terletak di kawasan pedalaman, dengan jarak kira-kira 30 kilometer dari Bandar Raya Kuala Terengganu, DBP tetap menjadi destinasi pilihan pengunjung dari dalam dan luar negara.

Ada yang datang dari Singapura, Jepun dan Australia merekodkan kehadiran mencecah 1,000 orang sehari, sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat.

Rata-rata mereka yang bertandang, mengakui kawasan itu sangat indah, dikelilingi persekitaran semula jadi, sungai, hutan nipah dan kebun kelapa Matag.

Pengunjung boleh menikmati pelbagai hidangan makanan penghasilan tempatan yang dijual di kiosk jualan, antaranya air nira, nisan kerek, lok lit, air kelapa, keropok, kerak telur dan lempeng.

Demonstrasi cara memproses, mengadun dan memasak makanan itu, turut diadakan sekiranya ada permintaan khas.

Bukan itu saja, penduduk kampung di sana juga boleh mengajar cara menganyam tikar mengkuang, menjahit atap nipah, membuat daun rokok dan kaedah memanjat pokok kelapa.

Pengunjung juga dapat melihat dengan lebih dekat cara permainan tradisional, termasuk congkak, batu selambut, bola selipar, tarik upih dan boling nyior.

Pengerusi DBP, Noor Azman Hasan berkata, dataran itu wujud hasil usaha 16 keluarga penduduk setempat yang mahu memperkenalkan kelainan kampung mereka kepada masyarakat luar termasuk pelancong asing.

Justeru kata beliau, komuniti Batu Putih mahu memajukan kampung selain bertujuan menambah pendapatan keluarga, hasil pelbagai jualan produk dari sumber yang dimiliki.

“Sejak dibuka kepada orang ramai, DBP mendapat sambutan luar jangkaan, rata-rata peniaga memperoleh pendapatan RM500 sehingga RM600 sehari.

“DBP yang memiliki kemudahan surau, pentas utama, pondok rehat, jeti turut menyediakan perkhidmatan menyelusuri sungai Terengganu dari Dataran Batu Putih (DBP) ke Pulau Kapas,” katanya.



**TOP IT**  
Industries

TOP IT INDUSTRIES  
SDN. BHD.

# Top IT Perkenal Buku Teks Digital

Oleh: Suriati Ali | Foto: Syaiful Mustafa

**T**op IT Industries Sdn. Bhd, anak syarikat Kerajaan Terengganu akan memperkenalkan Buku Teks Digital (Budi), direka khas untuk murid Tahun 5 dan 6.

Tablet komputer khas pertama berjenama Samsung yang dikeluarkan syarikat itu dijangka berada dalam pasaran mulai tahun depan dengan dilengkapi aplikasi pendidikan dan ciri-ciri keselamatan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Azwa Othman berkata, tablet itu dibangunkan dengan kerjasama Samsung Electronics kerana menyedari murid mudah faham menggunakan teknologi terkini berbanding buku teks.

Keistimewaan yang lain adalah Budi telah dilengkapi aplikasi mudah alih semua buku teks termasuk perisian Iqra dan al-Quran terbitan Syarikat Telaga Biru.

“Buat permulaan, kerajaan negeri bercadang penggunaan Budi di semua Sekolah Rendah Islam Darul Iman (SRIDI).

“Difahami, Budi hanya akan ditempatkan di SRIDI. Peraturan itu ditetapkan bagi mengelakkan murid menyalahgunakan tablet tersebut,” ujar beliau.

Ia mempunyai dwifungsi, membolehkan ibu bapa memantau anak masing-masing supaya menggunakan gajet itu secara berhemah, bermoral dan berakhlak.

Menurutnya, peranti itu mempunyai sambungan WiFi, ‘bluetooth’ dan USB serta memori dalaman dengan kapasiti lapan ‘gigabytes’.

Walaupun tablet berkenaan direka khas untuk pelajar sekolah rendah, katanya, ia turut dilengkapi aplikasi tambahan untuk pelajar sekolah menengah.

“Antaranya peta minda untuk mata pelajaran Sains, Biologi, Kimia dan Fizik. Aplikasi lain, makmal sekolah menengah seperti radas, bahan-bahan dan uji kaji,

“Mana-mana ibu bapa yang berminat boleh mendapatkan Budi dengan harga yang sangat berpatutan, kerana Budi tiada di dalam pasaran. Anda boleh menghubungi ejen Top It di talian 011- 5676 8674 atau 09-667 0917,” kata Azwa.

Tambah beliau, Top It turut menawarkan perkhidmatan pembangunan dan penyelesaian sistem, video korporat, video iklan, pembekalan dan pembaikan ICT serta e-Dagang.



# Meriam Di Bukit Puteri Singkap Sejarah

Oleh: Mastura Jamal Din | Foto: Tengku Syamim



**B**ukit Puteri yang terletak berhadapan Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu menyingkap sejarah sebagai kubu pertahanan Kesultanan Melayu Terengganu abad ke-18 dan 19.

Pelbagai artifak dan senjata silam disimpan, termasuk beberapa unit meriam, antaranya buatan Sepanyol dan Portugis selain Tanah Melayu.

Pengarah Muzium Negeri, Che Muhamad Azmi Ngah berkata, setiap unit senjata mempunyai nama yang menarik seperti Seri Johor, Seri Bueh (Meriam Beranak), Seri Jamlor dan Laila Majnun.

"Pada abad ke-18 Masihi, lokasi ini dijadikan sebagai kubu pertahanan oleh dua sultan iaitu Sultan Mansur Syah II yang mentadbir pada tahun (1831-1836) dan Sultan Muhammad Syah I (1836-1839).

"Peranannya sebagai penangkis serangan diteruskan hingga abad ke-19 Masihi semasa pemerintahan

Sultan Zainal Abidin III dan dinding batu konkrit turut dibina mengelilingi Bukit Puteri bagi mengelak ancaman penjajah British, Siam dan Jepun," katanya kepada Warta Darul Iman.

Beliau berkata, bukit yang berketinggian 200 meter dari aras laut seluas kira-kira 0.688 hektar turut dilengkapi sebuah rumah api setinggi 10 meter.

Katanya, pembinaan rumah api sebagai 'Tanda Kuala Negeri' memberi panduan dan petunjuk arah kepada para nelayan dan pelaut yang memasuki pelabuhan Kuala Terengganu.

"Di sini juga turut menempatkan makam kerabat diraja termasuk Syed Yasin Syed Akil Al-Yahya yang berasal dari Sumatera, Indonesia, dipercayai merupakan menantu kepada Sultan Zainal Abidin I," jelasnya.

Ujar Che Muhamad, ia dikatakan lokasi bersemayamnya puteri bunian, tempat penduduk kampung

meminjam peralatan seperti sudu, pisau dan pinggan mangkuk untuk mengadakan jamuan atau kenduri.

Bagaimanapun, lagenda Bukit Puteri menceritakan bahawa puteri itu dipercayai membawa hati, meninggalkan kediamannya dek kerana ada barangan yang dipinjam tidak dipulangkan semula.

Justeru itu, pelbagai usaha akan dipergiat oleh pihak muzium menarik perhatian masyarakat untuk mengenali dan mengenang sejarah serta kisah di sebalik kewujudan bukit itu.

"Kita seharusnya berbangga dengan tinggalan sejarah yang masih wujud di Terengganu dan sama-sama berusaha untuk memelihara dan memperkenalkan lokasi bersejarah ini ke mata dunia," tambah Che Muhamad.

# Setengah Abad Payungi Perantau

Oleh: Fakrusy Syakirin | Foto: Media MB/ PESAT

**M**eniti usia 50 tahun, Persatuan Anak-Anak Terengganu di Selangor dan Wilayah Persekutuan (PESAT), terus cekal berdiri memayungi perantau, sejak penubuhannya pada tahun 1971.

Presidennya, Mohd Sham Aziz Ismail berkata, cabaran paling getir adalah berdepan pandemik COVID-19 yang mengancam pelbagai sektor dan perancangan persatuan dalam tempoh lima dasawarsa itu.

“Namun, kebajikan anak Terengganu di pantai barat ini tetap dipelihara dengan bantuan kerajaan negeri.

“Dana tetap diperolehi melalui derma anggota, penaja dan kerajaan negeri disumbangkan kepada 180 keluarga Terengganu (RM120 setiap keluarga) yang paling terkesan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Selangor dan Wilayah Persekutuan.

“Usaha diatur melalui keluarga PESAT untuk mengetahui mereka yang paling terjejas. Senarai sama turut digunakan merancang program tanggungjawab sosial melibatkan masyarakat dalam persatuan termasuk warga emas, veteran, ahli-ahli dan anak-anak kami,” katanya kepada Warta Darul Iman.



Beliau memaklumkan pihaknya bergerak membantu perantau berdasarkan cogan kata ABC.

“ABC bermakna ‘Aktif, Bersatu dan Cakna’ menggambarkan peranan persatuan, ‘Bersatu’ dalam membina ukhuwah melalui acara seperti Program Hari Raya, Gegar Kacau Asyura manakala ‘Cakna’, menjurus kepada usaha tanggungjawab sosial.

“Program berbuka puasa di rumah-rumah kebajikan dan inisiatif kemasyarakatan seperti menyantuni ahli yang mengalami kemalangan atau sakit, antara usaha dilakukan PESAT bagi menjaga kebajikan,” jelasnya.

Beliau yang juga anak kelahiran Ajil, Hulu Terengganu berkata, pertubuhan tersebut turut menyumbang bakti ketika musim banjir dengan menghantar pasukan memberikan bantuan keperluan harian.

“Bagi musim banjir tahun ini, PESAT merancang dan menyusun strategi logistik serta barangan untuk mereka yang terjejas di Selangor serta Wilayah Persekutuan,” ujarnya.

Menurutnya, sehingga kini, PESAT menghampiri Jubli Emas dan berdiri teguh dengan 3,800 ribu ahli berdaftar terdiri daripada ketua keluarga dan 21 ahli jawatankuasa.





# Selenggara Parit, Elak Bencana

Oleh/ Foto: Norekwan Mamat

**T**indakan pihak berkuasa menyelenggara kemudahan asas terutamanya pada musim tengkujuh, dapat mengelakkan penduduk terjejas dek bencana banjir.

Sebelum ini, sebahagian besar masyarakat dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hulu Besut, terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan turut mengalami kerugian harta benda.

Menyedari kebimbangan rakyat, Pegawai Penyelarasnya, Mat Daik Mohamad berkata, menaik taraf sistem perparitan adalah langkah bijak bagi mengatasi masalah berkenaan, terutamanya di Kampung Padang Baloh.

“Kita telah mengenal pasti tempat-tempat yang sering berlakunya banjir serta sistem perparitan yang tidak terurus.

“Melalui perbincangan bersama Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Padang Baloh, Anuar Yaakob, satu inisiatif telah diambil dengan menyelenggara kembali sistem aliran tasik yang berada di kampung tersebut.

“Jika dibiarkan masalah ini berlarutan mungkin ia menyebabkan kemusnahan berterusan kepada sistem saliran dan sukar untuk diperbetulkan kembali,” katanya kepada Warta Darul Iman.

Justeru itu, Anuar Yaakob memaklumkan, masalah sistem saliran terbabit berlaku akibat tidak dibersihkan secara berkala sejak 11 tahun lalu.

“Saya telah mengambil inisiatif membuat permohonan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri, alhamdulillah sejumlah RM23 ribu telah diluluskan dan sepanjang 1.5 kilometer kawasan tersebut telah dibersihkan.



“Laluan air menjadi lancar tanpa gangguan sekaligus kurangkan risiko terjadinya banjir, pihak saya mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh Mat Daik Mohamad,” katanya.

Kata beliau, komuniti sekitar wajar bergotong-royong bagi memastikan kawasan kampung sentiasa bersih selain mengharapkan pihak berkuasa.

Salah seorang penduduk kampung tersebut, Razin Nurazri Rujunaidi, 29, berkata, masalah air bertakung berkurangan selepas penyelenggaraan, walaupun hujan turun dengan lebat.

Usaha yang diambil MPKK, kata beliau, mempercepatkan air surut dan mengalir deras ke sungai.

“Ini juga menghapuskan sarang binatang berbisa serta menjadikan kawasan kampung lebih bersih, selamat dan teratur,” ujarnya.



## Taman Rekreasi Teluk Pasu Mercu Baru Buluh Gading

Oleh: Irsyadi Abu Bakar | Foto: Hanif Abbas

**B**ermula dengan kunjungan Menteri Besar, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar ke Dewan Undangan Negeri (DUN) Buluh Gading pada tahun 2019, idea pembangunan taman rekreasi Teluk Pasu diketengahkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Ridzuan Hashim memaklumkan, pembinaan infrastruktur di kawasan tersebut merupakan fasa pertama dari keseluruhan fasa pembangunan Teluk Pasu.

“Ketika kunjungan Menteri Besar dalam ‘Program MB Mari Kampung Kita’ itu, Dr. Samsuri telah meluluskan peruntukan awal sebanyak RM200,000 bagi pembangunan taman rekreasi Teluk Pasu.

“Fasa pertama dan kedua iaitu taman rekreasi dan dataran telah berjaya disiapkan tahun ini. Manakala fasa

ketiga membabitkan medan selera akan dilaksanakan tahun 2021 dengan jumlah keseluruhan RM500, 000,” katanya.

Jelas Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Dakwah dan Penerangan negeri itu, pembangunan tersebut diharap dapat berperanan sebagai pusat riadah keluarga selain menjadi tumpuan pengunjung tempatan dan luar.

“Lebih-lebih lagi, lokasi taman dan dataran yang dibangunkan ini berada dalam laluan perkhidmatan teksi air dari Taman Tamadun Islam (TTI) dan ia berpotensi menjadi salah satu persinggahan pelancong dari sana,” katanya.

Selain itu, Ridzuan turut menyatakan bahawa tumpuannya ke atas DUN Buluh Gading bagi jangka masa panjang adalah untuk membangunkan tanah-tanah dengan

projek pertanian berasas komuniti.

“Buluh Gading banyak kawasan pertanian yang boleh dibangunkan. Setakat ini kita telah mewujudkan pertanian pisang secara komuniti di Tanjung Sabtu sekaligus membantu ekonomi para penduduk.

“Dari sudut pembangunan, alhamdulillah kita banyak berkembang. Terbaru, kita buat pembaikan rumah dan kawasan kita juga menerima rumah-rumah baru di bawah Projek Perumahan Terengganu Sejahtera (PPTS).

“Dari sudut kemudahan pula, saya fokus untuk kita menaik taraf dan menambah baik infrastruktur untuk selesaikan permasalahan rakyat seperti longkang dan sebagainya,” katanya.





## Penantian 10 Tahun Penduduk Berakhir

Oleh/ Foto: Amin Ji

**P**enduduk di Kampung Darat, Sungai Buaya, kini sudah mampu menarik nafas lega apabila krisis bekalan air bersih kampung mereka semenjak 10 tahun lalu, akhirnya selesai.

Berdasarkan maklumat daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Teladas, sebanyak 43 buah rumah yang terjejas, terpaksa bergantung kepada air telaga dan anak sungai yang berdekatan, sebagai sumber air utama.

Cakna akan kesusahan yang dihadapi oleh masyarakat kampung tersebut, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Ab. Razak Ibrahim telah berbincang dengan pihak Syarikat Air Terengganu (SATU) bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Hasilnya, pihak SATU melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bersetuju memasang pam pengalagat untuk memberi tekanan air kepada tangki air di kampung Air Putih yang telah sedia ada.

Mesin yang telah mula beroperasi 31 Ogos 2020, kini berfungsi dan dapat menyalurkan air bersih buat penat kampung terbabit.

Oleh itu, Razak menjelaskan, usaha dan tindakan beliau adalah demi keselesaan masyarakat setempat menikmati sumber air bersih berterusan.

“Dengan pemasangan mesin ‘booster pump’ itu, memudahkan orang kampung dalam menjalani kehidupan harian dengan lebih selesa,

“Seperti yang kita semua sedia maklum, air merupakan salah satu keperluan asas manusia. Ketiadaan sumber air bersih akan menimbulkan pelbagai permasalahan terutamanya dalam aspek kesihatan,” tambah beliau.

Dalam perkembangan sama, rata-rata penduduk yang ditemui menzahirkan rasa gembira dan berterima kasih di atas keprihatinan pihak kerajaan kerana tidak lagi perlu mengepam air sungai sendiri.

Salah seorang ahli kariah kampung tersebut, Sulaiman Sulong, 75, berkata, masalah ketiadaan bekalan air bersih telah membelenggu mereka sejak awal perpindahannya ke kampung itu.

“Penyelesaian seperti menyedut air dari anak sungai berhampiran sebelum dikongsi bersama jiran berhampiran dan memasang ‘boreng air’, memakan belanja yang agak tinggi namun hanya mampu bertahan sementara sebelum kembali terputus bekalan air bersih,” katanya.

Salleh Awang, 43, berkata, pelbagai usaha dilakukan dalam menyelesaikan masalah bekalan elektrik berikutan voltan rendah.

Menurutnya, hasil rundingan bersama pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), isu tersebut berjaya diatasi apabila permohonan pemasangan paip di kampung tersebut diluluskan.

Mereka bersyukur dan mengucapkan terima kasih terhadap tindakan pantas pihak terlibat seperti Pusat Khidmat Masyarakat DUN Air Putih, SATU dan TNB dalam menangani kemelut bekalan air bersih dan elektrik di kampung tersebut.

Untuk rekod, lokasi kampung terletak di Teladas, 3 kilometer dari Pekan Air Putih dibina di atas lot-lot tanah yang diberikan oleh kerajaan sekitar tahun 2010 lepas.



Salah seorang pengayuh beca sedang menunggu pelanggannya di Pasar Payang, Kuala Terengganu.



Seorang pengunjung tidak melepaskan peluang untuk memancing di Tasik Kenyir



Seorang pengunjung yang sedang berehat pada pokok mati yang berada di tengah-tengah Tasik Kenyir



Nur Shahira Azlan, 13, (Kiri) bersama ibunya mengulang kaji pelajaran secara atas talian ketika ditemui di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Merchang.



Kanak-kanak yang mengambil peluang mandi di Pulau Sekati.



Demonstrasi Bomba di A



Dua kanak-kanak termenung melihat air yang mula melimpahi kediamannya di Chendering.



Kamaruddin Yob, 41 dan Hilmi Che Basir, 30 mengambil peluang memancing udang di Pulau Ketam, Kuala Nerus ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.





Sekitar suasana banjir di Kuala Terengganu.



Menteri Besar, Dato Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar kelihatan datang bertongkat pada hari pertama Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Keempat Belas (Bajet) di Dewan Undangan Negeri (DUN), Wisma Darul Iman.




Air Pasang di Pantai Seberang Takir.



Nur Hidayu Rosli, 20 bersama seekor lembu yang dipeliharanya di Kampung Pantai Ali.



Para petugas kesihatan sedang menjalankan ujian saringan COVID-19 pada salah seorang penduduk kampung di Dungun.



Salah seorang mangsa banjir tekun menjawab soalan peperiksaan secara dalam talian ketika ditemui di PPS SK Chendering.



Akademi Bomba Wakaf Tapal



Seorang penternak sedang menguruskan ternakan ayamnya.



Kelihatan salah seorang penjual kain yang dijualnya sambil menunggu pelanggan di Pasar Payang, Kuala Terengganu.



Keadaan hakisan yang berlaku di Pantai Mengabang Telipot



# Banjir, Bangkitkan Semangat Komuniti Kampung Teladas

Oleh: Fakrusy Syakirin | Foto: MPKK Teladas

**B**anjir air sungai beserta lumpur yang melanda Kampung Teladas membawa pelbagai hikmah buat komuniti setempat termasuk menghidupkan kembali semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Teladas, Yazid Yasin, 51, menyifatkan perkara itu bakal mendatangkan kesejahteraan dan kemakmuran buat rakyat di masa hadapan.

Katanya, pengorbanan pihaknya serta seluruh warga kampung dalam mengharungi banjir, mencurah bakti kepada mangsa terjejas, menimbulkan suasana harmoni antara satu sama lain.

“Tugas yang diamanahkan ini membakar semangat kami dalam membantu kira-kira 139 keluarga terdiri daripada lebih 400 mangsa di kawasan terjejas seperti Kampung Teladas, Kampung Tanah Lot, Kampung Banggol dan Kampung Darat Sungai Buaya,” ujarinya ketika dihubungi Warta Darul Iman.

Yazid yang juga anak jati Kampung Teladas berkata, MPKK berperanan dalam memastikan keselamatan komuniti diutamakan seperti memahirkkan AJK dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) norma baharu dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah.

“Selain itu semasa kemuncak banjir pada 27 November, MPKK mengerakkan usaha menyelamatkan dan memindahkan mangsa dengan dua

bot yang disediakan Pejabat Daerah Kemaman bagi mengangkut orang dan menyalurkan bantuan barang keperluan.

“Kita turut aktif meronda kawasan bagi memastikan setiap mangsa di kampung yang terjejas dipindahkan, mereka yang tidak mampu seperti warga emas turut diutamakan dan dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Sivik Kampung Teladas dan Dewan Sivik Kampung Air Putih.

“Dari pagi hingga petang, 15 ahli MPKK menjalankan operasi ini sambil bergilir-gilir walaupun rumah saya sendiri dinaiki air dan mengalami kerugian kira-kira RM5000 kehilangan dan kerosakan barangan rumah, komuniti diutamakan,” katanya.

Mengulas lebih lanjut, beliau berkata, kerjasama erat terjalin dalam kalangan lebih 400 tenaga kerja terdiri daripada pelbagai agensi seperti, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Bomba, Polis, Unit

Amal, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan Dapur Rakyat.

“Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai, Hanafiah Mat, ADUN Air Putih, Ab. Razak Ibrahim, Ahli Parlimen Kemaman, Che Alias Hamid turut turun padang dan berganding bahu ‘membasuh’ Kampung Teladas.

“Hasilnya kelengkapan dan tenaga manusia tidak perlu risau lagi dan kehebatan sebuah komuniti terserlah menghadapi musibah bersama,” katanya lagi.

# Nasi

## Himpit Sambal

Oleh: Mastura Jamal Din

Foto: Tengku Syamim

### Bahan-bahan Nasi

1 cawan beras biasa  
10 cawan air  
1 sudu teh garam

### Cara-cara membuatnya

Masukkan semua bahan dalam periuk.

1. Masak beras sehingga hampir kering sambil dilenyekkan supaya nasi menjadi lembik
2. Perlahankan api dan kacau sehingga nasi betul-betul kering
3. Pindahkan nasi ke dalam bekas, ratakan dan tekan sehingga mampat
4. Kemudian tutup bahagian atas dengan plastik bersih dan letakkan pemberat
5. Biar selama 2 @ 3 jam kemudian potong mengikut cara yang diinginkan

### Bahan-bahan Sambal

5 ekor ikan Selayang  
½ biji kelapa (diparut)  
½ keping gula melaka  
3-4 ulas bawang merah (ditumbuk)  
½ inci halia (ditumbuk)  
1 batang serai (ditumbuk)

### Cara-cara membuatnya

1. Rebus ikan sehingga masak kemudian ditumbuk sehingga lumat
2. Masakkan bahan ditumbuk bersama gula melaka dan kacau hingga sebati dan kering
3. Kemudian masukkan kelapa parut serta kacau sentiasa supaya tidak hangit
4. Masukkan isi ikan yang ditumbuk, kacau sehingga sebati
5. Masukkan garam dan kacau sehingga kering

Foto: Syaiful Mustafa

# Ketupat

## Sotong

### Bahan-bahan

500 gm sotong sederhana besar dan dibuang kulit  
100 gm beras pulut direndam bersama santan selama 1 jam  
3 cawan santan pekat  
2 cm halia dimayang  
½ sudu teh halba  
3 ulas bawang merah dimayang halus  
2 helai daun pandan  
3 sudu gula  
1 sudu teh garam

### Cara-cara membuatnya

1. Masukkan beras pulut yang direndam ke dalam sotong sehingga 1/3 penuh
2. Tutup sotong & cucuk dengan lidi kelapa untuk mengelakkan terkeluar apabila dimasak
3. Masak santan bersama bahan-bahan lain
4. Kemudian masukkan sotong serta kacau sekali sekala agar santan tidak berketul
5. Masukkan garam dan gula secukupnya
6. Kemudian biarkan selama 45min – 1 jam sehingga pulut dan sotong betul-betul masak
7. Siap untuk dihidangkan

# Anak Umbang Alat Muzik Jati Terengganu

Oleh: Irsyadi Abu Bakar | Foto: Muzium Negeri Terengganu

**P**erkembangan muzik tradisional diberi perhatian oleh kerajaan negeri Terengganu dan mula digemari generasi muda negeri ini.

Seni persembahan seperti Rodat, tarian Saba, Ulik Mayang dan Gamelan masih popular dan dikenali pada masa yang sama, penggiatnya semakin berkurang.

Namun, adakah kita tahu tentang satu-satunya alat muzik tradisional yang dipercayai berasal dari negeri Terengganu?

Dikenali sebagai Anak Umbang atau nama lainnya Buluh Keranting, alat ini biasanya dimainkan ketika persembahan tarian Saba yang terkenal di Dungun.

Penolong Kurator Etnologi Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT), Mohd Hafiz A. Rahman menjelaskan, alat muzik ini memiliki keunikan tersendiri kerana ia dikatakan instrumen yang berasal dari Terengganu.

“Walaupun tiada bukti secara rasmi pada tahun berapa anak umbang mula dicipta dan dimainkan, ia merupakan satu-satunya instrumen khusus untuk tarian Saba di Hulu Dungun dan tiada yang serupa dengannya di tempat lain.

“Umbang serta anak umbang ini seperti biola dan rebab, tetapi mempunyai kelainan yang tersendiri.

“Instrumen ini diperbuat daripada buluh yang mempunyai ruas panjang. Ia ditebuk di tengah-tengah dengan beberapa lubang bertujuan untuk hasilkan bunyi atau nada yang tinggi dan direntangkan dengan dua tali tangsi untuk digesek dengan anak umbang,” ceritanya.

Tambahnya lagi, berdasarkan fakta yang diperolehi, anak umbang menggunakan tali rotan yang diasah dengan kemenyan sebelum dimainkan pada suatu ketika dahulu.

Manakala, Tokoh Kesenian Saba Negeri Terengganu, Che Wan Noor Saidi Ab Rahman pula memaklumkan, umbang turut menggunakan tali rotan batu, namun kerana sukar diperolehi, tali tangsi dijadikan ganti.

“Buluh nipis sering menjadi pilihan untuk membuat anak umbang kerana mengeluarkan bunyi yang baik apabila digesek dan sesuai untuk dimainkan dalam persembahan Saba.

“Adapun buluh-buluh lain (buluh tebal atau dipanggil juga buluh akar) tidak sesuai digunakan kerana ketebalan buluh tersebut akan menghasilkan bunyi yang mampat.

“Panjang dan pendek buluh akan mempengaruhi melodinya. Manakala, penggesek yang panjang lebih memudahkan pemain untuk mengalunkan lagu,” jelasnya.

Sebagai penggiat tarian Saba, Che Wan menyatakan instrumen ini dikatakan wujud sejak tahun 1718 dan menjadi medium hiburan masyarakat ketika itu.

“Sayangnya, ia tidak banyak ditonjolkan pada masa kini. Hendak tahu kenapa namanya Umbang?”

“Ini kerana, gesekannya mengeluarkan bunyi yang nyaring seakan-akan bunyi kumbang, maka ada yang menggelarnya anak umbang,” katanya ringkas.





# Sedia Galas Amanah = Rosol

Oleh: Mastura Jamal Din | Foto: Tengku Syamim

**D**ato' Rosol Wahid menyifatkan pelantikannya ke jawatan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merupakan satu kepercayaan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada beliau.

Ahli Parlimen Hulu Terengganu itu berkata, beliau menghargai kepercayaan yang diberikan dan akan menggalas sebaik mungkin amanah tersebut.

"Saya akan memberikan komitmen sepenuhnya untuk membantu dan akan buat yang terbaik untuk agama, negara dan rakyat kerana amanah ini dapat melakukan banyak perkara malah kementerian ini amat dekat dengan rakyat.

"Mengapa saya katakan ia dekat dengan rakyat, ia jelas dengan berlakunya pelaksanaan Perintah kawalan Pergerakan Rakyat (PKP), kami perlu pastikan kecukupan bekalan makanan untuk pastikan pengguna tidak ditipu dan penjual tidak mengambil kesempatan dalam keadaan tengah sukar," ujarnya ketika ditemui wartawan Warta Darul Iman.

Rosol berkata pihak KPDNHEP sentiasa memeberikan yang terbaik untuk rakyat termasuk

memastikan setiap pengguna di Malaysia mempunyai ruang dan peluang untuk mengadu sekiranya menghadapi kesukaran.

"Contoh apabila mereka membeli barang tiruan maka ada akta untuk barang tiruan, akta kawalan harga barang jika harga tinggi dan berbeza dengan harga asal.

"Jadi KPDNHEP akan pastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dan kita memahami kehendak rakyat walaupun kita tahu isu harga barang tidak akan habis sampai bila-bila," ujar beliau.

Tambahnya, sebaik sahaja menerima jawatan berkenaan, beliau berdepan dengan cabaran getir apabila PKP diumumkan, pengguna membuat pembelian panik seolah-olah akan berlakunya darurat.

"Cabaran yang hebat adalah PKP yang pertama, bagaimana pembeli menyerbu pasaraya-pasaraya untuk membeli keperluan seperti roti, telur dan sebagainya kerana bimbang terputus bekalan makanan.

"Alhamdulillah, kejadian itu berlaku sehari sahaja malah hanya di bandar-bandar besar, jadi kita war-warkan kepada masyarakat bahawa bekalan makanan tidak akan terputus. Inilah cabaran terbesar saya sebagai Timbalan Menteri saat itu," tambahnya lagi.

Ditanya tentang kelebihan lain KPDNHEP yang rakyat kurang ketahui, Rosol berkata kementerian menawarkan pelbagai perkhidmatan untuk kemudahan pembeli dan pengguna.

"Saya nampak banyak benda yang ditawarkan oleh kementerian, seperti 'price catcher' untuk semak harga yang berada di pasaran, MySafe untuk melihat dimana adanya jualan murah termasuk SSM Bistras yang dilancarkan empat tahun lalu.

Sebagai Timbalan Menteri di sebuah kementerian yang aktif dalam menjaga keperluan

rakyat, ia membataskan pergerakan beliau sebagai Ahli Parlimen.

"Saya minta maaf kerana banyak masa terpaksa dihabiskan di KPDNHEP tapi saya tetap memperuntukkan masa untuk pulang ke Kawasan setiap hujung minggu bagi melihat apa yang rakyat di Kawasan saya perlukan dan saya berjanji Hulu Terengganu akan dapat sesuatu cuma perlu tunggu hingga saya umumkan.

"Sebagai orang politik, kita tidak mampu memuaskn semua orang, mesti ada yang positif dan negatif dan kita cuba terima dengan hati yang terbuka.

"Namun kita perlu semak apa yang betul dan tidak betul tentang apa yang dikatakan maka perlu diperbaiki. Kesannya pada kerajaan dan dalam masa yang sama kita akan memuaskn hati rakyat," katanya.

Rosol turut menyentuh tentang kerjasama dan muafakat antara kerajaan negeri Terengganu dan kerajaan Persekutuan yang dilihatnya satu perkembangan yang baik.

"Alhamdulillah, saya melihat hubungan yang baik serta positif terjalin antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan di bawah pentadbiran Perikatan Nasional.

"Perbincangan dua hala diadakan secara berkala untuk memastikan perancangan dan agenda pembangunan yang direncana," ujar beliau.

Tambahnya, kerajaan Persekutuan juga sentiasa peka dengan keperluan di negeri-negeri dan kerjasama baik yang terjalin membawa kesejahteraan untuk rakyat.

"Secara peribadi tentunya kita mengharapkn taawun ini berterusan sampai bila-bila kerana kerajaan yang bersatu padu dapat memberikan khidmat terbaik untuk rakyat," katanya.

# Diorama Art: Preserving History In Small Sizes

By: Fakrasy Syakirin | Photo: Ammar Rozlan

**A**t first glance, it might look like an accurate depiction of the bustling streets from the olden days and in current times from towns around Terengganu.

But look closer, then you realise a piece of 3D model brought to life with true to life wear and tear from the rusty zinc roofs to the chipped white paint of the buildings.

These tiny works of art is a mix architectural heritage inspired by the streets of Kampung Cina and towns in Besut. Modern and traditional with the stories and memories, all handmade by Mohd Ihsan Mohd Saidi, 34, the creative mind behind it.

Hailing from Besut and a father to three children, Ihsan said that this side hobby turned part-time gig started four years ago.

“I started with building small traditional houses with only cheap materials. I can get my hands on such as ice cream sticks, bamboo sticks and things from the RM2 store.

“Then after a few postings of my projects in my Facebook, it started gaining traction from reactions and questions from viewers which further burns my passion to take this hobby to the next level.

“These miniatures of Kedai Lot of electronic stores, carwash, restaurants were all inspirations from my past jobs and memories from my life in Besut and Terengganu.

“Pricing and time needed to build depend on the scale (1/43, 1/32, 1/64) and materials used. For instance, replicas of graves are RM40 meanwhile the Kedai Lot costs within RM800 due to high-quality materials such as putty filler, paint, PVC board, and other tools,” he added.

Speaking about his diorama hobby as a part-time business, he said, offers and commissions for traditional home dioramas started pouring in from states across Malaysia such as Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka and many more.

“Various agencies, whether government, private and universities also commissioned for large scale showroom dioramas consist of miniature Kampung Houses.

“The biggest project I undertook was a commission priced at roughly RM4000, which was a beachside filled with mangroves to showcase the effects of beach corrosion.

“A rough estimation of income would be roughly RM2000 a month selling medium-sized dioramas for RM200 to RM300,” Ihsan explained.

Ihsan who is also the staff in Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Terengganu, talked about his plans to open a diorama store with all the tools for newcomers and experts of miniature building in Terengganu.



Oleh: Noraini Jusoh

Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Hilliran Kuala Terengganu, Dr. Nur Diana Ahmad Takri berkorban mengambil cuti tanpa gaji selama tujuh bulan untuk fokus dalam menguruskan keluarga dan anak-anaknya.

Isteri kepada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Ahmad Amzad Hashim itu berkata, kesanggupannya yang bermula daripada November 2020 adalah bagi membolehkan suaminya berkhidmat kepada rakyat dengan bebas.

“Program luar saya tidak banyak, sebab anak-anak masih kecil, jadi saya perlu atur sebaiknya pengurusan anak-anak di rumah supaya suami benar-benar boleh fokus urusan ummah di luar sana.

“Alhamdulillah, Allah sentiasa bantu. Saya rasa tenang sahaja dan buat sekadar termampu, selebihnya bergantung kepada Allah sungguh-sungguh,” ujarnya.

Biarpun diduga dengan pelbagai ujian, beliau tetap menganggap pilihan kerjaya dilakukannya adalah tepat.

“Setelah berkhidmat tujuh tahun, bidang kedokteran, ia memberikan satu pengalaman bermakna yang tidak dapat dijual beli,” ujarnya.

Menurutnya, antara cabaran yang perlu dihadapi dalam profesionnya ialah waktu kerja yang tidak menentu.

## Cuti Tujuh Bulan Tanpa Gaji

# FOKUS KELUARGA

“Selain perlu bijak mengawal tekanan apabila berhadapan dengan pesakit, tentu sekali profesion kedokteran menuntut kecekalan hati,” jelasnya.

Dr Diana juga turut menceritakan permulaan kerjaya yang penuh dengan cabaran namun berjaya memantapkan dirinya.

“Ketika di bangku sekolah, cita-cita saya adalah akauntan tetapi kedua ibu bapa mahu saya menjadi seorang doktor. Setelah mengikuti pengajian dalam bidang ini mula timbul minat dan kini semakin teruja.

“Sebaik menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan di Universiti Sains Malaysia, saya berkhidmat sebagai pegawai perubatan di Hospital Tanah Merah, Kelantan kemudian ke Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu.

“Selepas itu, saya ditempatkan di Unit Kesihatan Ibu dan Anak, Klinik Kesihatan Hilliran sejak setahun lalu,” tambah beliau.

Beliau memberitahu, dia sama sekali tidak pernah menyesal memilih doktor sebagai kerjayanya, walaupun masa banyak dihabiskan di hospital.

“Saya puas kerana selain bekerja, secara tidak langsung membantu ramai individu saban hari terutama pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan.

“Malah saya juga gembira kerana keluarga terutama suami dan anak-anak sangat memahami tugas saya, mereka tidak pernah membuatkan saya tertekan malah banyak memberi semangat untuk terus berbakti,” tambah beliau.





## Rukhsah ibadah ketika banjir

Oleh: Irsyadi Abu Bakar | Foto: Tengku Syamim

Ummum mengetahui, setiap hujung tahun negara kita akan dilanda monsun timur laut yang membawa bencana banjir di beberapa negeri.

Banjir yang hadir menjengah kadang-kadang agak ringan, namun ada masa-masanya mengejutkan sehingga menjadi malapetaka kepada mangsa.

Memang benar, tidak mudah menghadapi kehilangan, kerosakan harta benda dan kerugian hasil tanaman. Tetapi, sebagai Muslim, musibah ini sepatutnya menjadikan kita lebih dekat kepada Allah SWT dan lebih kerap beribadah kepada-Nya.

### Wuduk

Sering kali persoalan ini timbul, apakah boleh mangsa banjir menggunakan air banjir untuk bersuci atau perlu bertayamum?

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan memetik pandangan Syeikh Dr. Muhammad al-Zuhaili dalam kitab *Al-Muktamad fi Fiqh al-Syafie* (1/38) iaitu:

“Sekiranya air berubah pada warna, bau, dan rasanya sama ada disebabkan oleh lamanya menetap,

disebabkan debu tanah, lumut, tanah kibrit (sulfur), dan kesemua yang susah untuk dipelihara darinya, maka ia kekal suci lagi menyucikan.

“Adapun jika air tersebut telah digunakan untuk berwuduk, mandi, serta menghilangkan najis maka ia tidak lagi berada dalam keadaan suci lagi menyucikan.”

Pandangan ini menyatakan secara jelas kesucian air banjir yang berubah bau, warna dan rasa disebabkan fenomena alam itu.

### Solat

Manakala, bagi kaedah menyempurnakan solat, ulama mazhab Syafie mengharuskan solat jamak disebabkan hujan yang boleh membasahkan semua pakaian.

Sheikh Dr Yusuf al-Qaradawi dalam *Fatawa Mu'asiroh* menyatakan, harus menjamakkan solat dalam keadaan uzur dan kesukaran. Ianya terpakai dalam suasana banjir serta keadaan sukar di tempat pemindahan banjir dan rumah masing-masing. (rujukan:al-Umm, 1/76).

Perkara ini khusus dalam keadaan banjir belum surut, hujan masih

turun, pakaian dan peralatan serta air bersih serba kurang.

Namun, para ulama bersepakat jika solat jamak tanpa keuzuran sebenar dan menyalahgunakan keringanan ini, solat adalah batal dan tidak sah.

Beruntunglah Muslim kerana Allah SWt memberikan rukhsah (keringanan) dalam melaksanakan ibadah kepada-Nya.

Sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Haj, ayat 78 yang bermaksud:

*“Dan berjihadlah kamu di jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya. Dia telah memilih kamu, dan Dia tidak menjadikan kesukaran untukmu dalam agama. (Ikutilah) agama nenek moyangmu Ibrahim. Dia (Allah) telah menamakan kamu orang-orang muslim sejak dahulu, dan (begitu pula) dalam (Al-Qur'an) ini, agar Rasul (Muhammad) itu menjadi saksi atas dirimu dan agar kamu semua menjadi saksi atas segenap manusia. Maka laksanakanlah salat; tunaikanlah zakat, dan berpegang teguhlah kepada Allah. Dialah Pelindungmu; Dia sebaik-baik pelindung dan sebaik-baik penolong.”*

# LANGKAH PENCEGAHAN COVID-19 DI-TEMPAT KERJA



Pejabat perlu kerap melakukan nyahkuman/ disinfeksi permukaan yang mudah dicemari seperti:

- 1) Ruang kerja
- 2) Kaunter perkhidmatan
- 3) Tombol pintu
- 4) Papan kekunci komputer



# 'TS KIDS', Aplikasi Belajar Sambil Bermain

Oleh: Noraini Jusoh | Foto: YPKT

**B**ermain merupakan satu pendekatan terancang bagi memberikan peluang kepada kanak-kanak belajar dalam suasana yang tidak begitu formal, menyeronokkan dan bebas.

Menyedari konsep tersebut adalah satu teknik pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang berkesan. Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) memperkenalkan Program Terengganu Sejahtera Kids (TS Kids) di semua 68 buah Taska Permata Keluarga (TPK) mulai Januari depan.

Timbalan Pengarah (Program) YPKT, Kamarulzaman Awang berkata, inisiatif berkenaan merupakan penjenamaan semula 'Tbkids' yang diperkenalkan pada 2007.

"TS Kids merupakan aplikasi pembelajaran yang dibangunkan oleh TOP IT Industries Sdn Bhd untuk kanak-kanak di bawah umur empat tahun menggunakan pakai konsep kurikulum PERMATA dan diolah mengikut tema bulanan, 12 tema dan 49 subtema.

"Kaedah P&P pada awalnya hanya

menggunakan 'smartboard' dan 'laptop' tetapi ia ditambah baik kepada penggunaan Buku 'Augmented Reality' (Buku AR), 'Flash Card' dan Tablet dalam bentuk audio visual dan interaktif, mengenengahkan konsep 'Alam Maya Diterjemahkan ke Alam Realiti,'" jelasnya.

Menurut beliau, pembangunan perisian dan 'storyboard' dilaksanakan bersama dengan 'Subject Matter Expert (SME)' bagi mengenal pasti skop konsep P&P berdasarkan kurikulum PERMATA dan tema dapat diaplikasikan sepenuhnya.

"Ia penting bagi memastikan penyesuaian aktiviti di TASKA yang akan diadaptasikan ke dalam Buku AR berkenaan.

"Aktiviti yang dihasilkan dalam Program TS Kids ini mengambil kira enam bidang pembelajaran untuk perkembangan menyeluruh kanak-kanak iaitu, perkembangan sahsiah, sosioemosi dan kerohanian; perkembangan fizikal,

"Perkembangan kemahiran awal matematik dan pemikiran logik; perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran; perkembangan bahasa,

komunikasi dan literasi awal dan perkembangan kreativiti dan estetika," ujarnya.

Katanya, selain mendedahkan kepada kanak-kanak melalui teknologi maya dan interaktif, aplikasi itu juga bertujuan mempelbagaikan pembelajaran lebih menarik melalui pengamatan dan pengecaman visual serta bunyi bagi membantu pencapaian perkembangan kanak-kanak yang holistik.

"Saya lihat apa yang bakal diperkenalkan kepada kanak-kanak sangat berkesan kerana bukan sahaja dapat belajar secara berdepan, malah boleh sentuh, lukis, menulis dan padam.

"Boleh juga berinteraksi secara maya antara kanak-kanak di taska lain dan pastinya kanak-kanak sangat teruja untuk mencuba," ujarnya.

Katanya, pengisian program akan diperasakan dari semasa ke semasa dengan menambah nilai penggunaan Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Arab, hafazan doa dan surah lazim serta penerapan nilai-nilai murni.





# Tasik 'Pepsi Blue'

Oleh: Noraini Jusoh | Foto: Tengku Syamim

**K**erajaan Terengganu merancang menjadikan Lubuk Mandi sebagai tarikan baharu destinasi pelancongan negeri.

Terletak di Mukim Rusila Marang, Lubuk Mandi atau digelar sebagai Tasik 'Pepsi Blue' sangat luar biasa dengan kecantikan airnya yang biru kehijauan.

Merupakan tasik buatan yang terhasil daripada aktiviti melombong secara mendulang emas suatu ketika dahulu dan sangat terkenal dalam kalangan penduduk tempatan.

Namun, aktiviti melombong emas itu diarah dihentikan beberapa tahun lalu ekoran berlaku beberapa tragedi yang meragut nyawa pelombong termasuk tanah runtuh dan akhirnya dijadikan kawasan larangan.

Lubuk Mandi kembali diperkatakan di laman sosial selepas terdapat beberapa individu yang memasuki kawasan tasik itu dan mengambil gambar.

Bagaimanapun, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mencerooboh kawasan itu atas faktor keselamatan, sehingga ia dibuka secara rasmi kepada pengunjung kelak.

**TAHUKAH ANDA**



# ORANG TERENGGANU

*Asal Usul, Arus Hidup  
dan Arah Tuju*

EDISI BAHARU

Oleh: Mastura Jamal Din

Buku 'Orang Terengganu. Asal Usul, Arus Hidup dan Arah Tuju' merupakan jendela untuk mengenali penduduk Negeri Terengganu dari dahulu hingga sekarang. Karya ini memuat kisah penempatan mereka, dan perkembangan beberapa komuniti dan keturunan di daerah-daerah berlainan. Sumbangan beberapa individu yang mewakili beberapa zaman turut diperkatakan dengan panjang lebar.

Buku ini diharap dapat mencetus rasa kenegerian yang positif dan membuah rasa hormat terhadap generasi lepas yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan Negeri Terengganu. Tulisan-tulisan yang terkandung di dalamnya juga dipaparkan untuk menjadi sebahagian daripada landskap sejarah nasional dan serantau, kerana dalam tubuh negeri ini terdapat manusia dan masyarakat yang mewakili persekitaran hidup yang lebih besar, iaitu Malaysia dan Asia Tenggara terutama sekali.

Bagi memperkasakan lagi karya ini, penulis telah mengambil inisiatif menerbitkan edisi baharu. Dalam Edisi Baharu ini, 5 bab baru telah ditampilkan oleh penulis di samping menyisip beberapa bahan tambahan dalam bab-bab yang lain.

Kelima-lima bab tambahan yang dimaksudkan adalah: "Songket dan Batik: Penduduk Kuala Terengganu dan Perusahaan Tekstil" (Bab 22), "J.M. Aziz dan T. Alias Taib: Penyair di Persada Tanahair" (Bab 31), "Pengislaman, Petro-dollar dan Proses Pengundian" (Bab 34), "Tok Ku Paloh dan Tata Negara" (Bab 36) dan "Megat Panji Alam, Anak Raja dan Adiwira Terengganu, dalam Hikayat Hang Tuah" (Bab 55)."

Penyunting:  
Muhammad bin Abu Bakar

Penerbit:  
Perbadanan Perpustakaan  
Awam Terengganu

ISBN: 9789834027841

Muka Surat: 550

Tahun Terbit:  
2020

CATATAN:  
Buku ini terdapat dalam koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu dan juga boleh dibeli di seluruh rangkaian perkhidmatan Perpustakaan Awam negeri Terengganu dengan harga RM 80.00 (kulit keras) dan RM 50.00 (kulit biasa).

# TFC Sasar 'BERDIRI SENDIRI' Selepas 2021



syarikat yang ditubuhkan untuk menggerakkan keseluruhan TFC selepas diswastakan secara 'total'.

"Dua pasukan ini terlibat dalam liga elit Malaysia, jadi perjalanan serta pengurusannya akan dipantau oleh TFC Sdn Bhd, bukan PBSNT.

"PBSNT hanya mengawal TFC III dan IV sahaja, dan ia hanya bagi musim depan (2021), selepas itu kita akan serahkan sepenuhnya kepada TFC Sdn Bhd dan bermulalah era penswastan penuh pasukan bola sepak Terengganu," katanya kepada Warta Darul Iman.

Mengulas lanjut beliau berkata, pemantauan perjalanan pasukan akan sentiasa dilakukan PBSNT musim depan bagi melihat kesediaan TFC I hingga IV untuk bertukar status kepada kelab.

"Selepas tangga pertama, kita akan lihat berapa nilai pasukan kita, proses ini akan dinilai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TFC Sdn Bhd, Ab Rasid Jusoh.

"Kemudian kita tidak teragak-agak untuk membuka pegangan saham kepada sesiapa yang berminat, sebelum ini juga kita sudah pun membuka tawaran kepada semua pihak untuk menghantar 'Request for Proposal' (RFP) kepada PBSNT," jelasnya.

Hishamuddin berkata, kebergantungan kepada kerajaan negeri tidak mampu dielakkan sebelum setiap pasukan diswastakan sepenuhnya.

Justeru katanya, cabaran itu perlu diselesaikan dengan teliti bagi mengelakkan situasi buruk berlaku di masa depan.

"Sebenarnya, tahun lepas (2019) misi ini sudah pun saya mulakan, saya banyak berada di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk 'approach' syarikat-syarikat bagi melabur dan menaja TFC.

"Namun masanya belum tiba kerana beberapa perkara belum menemui titik noktah, jadi kita letakkan sasaran untuk selesaikan perkara itu dalam musim hadapan," tambah beliau.

Oleh: Husaif Mamat | Foto: Syaiful Mustafa

**K**elab Bola Sepak Terengganu (Terengganu Football Club - TFC) meletakkan sasaran untuk berdiri sendiri dan tidak bergantung kepada kerajaan negeri selepas tahun 2021.

Timbalan Presiden (I) Persatuan Bola Sepak Negeri Terengganu (PBSNT), Hishamuddin Abdul Karim berkata, usaha yang baru bermula sedang giat dilakukan dan penswastan TFC sepenuhnya akan dilakukan secara berperingkat.

Oleh itu jelasnya, pada fasa awal ini pasukan TFC masih dimiliki PBSNT sepenuhnya.

"Walaupun begitu, pasukan TFC I dan II akan dikawal TFC Sdn Bhd iaitu





## Penapis Merawat Sisa Batik Tarik Perhatian Industri

Oleh: Irsyadi Abu Bakar | Foto: Ammar Rozlan

Industri batik di Terengganu merupakan perusahaan yang memiliki keunikannya tersendiri sehingga menjadikan produk tradisional itu mempunyai ramai peminat.

Namun, selaras dengan usaha memelihara hasil tradisional negeri, pemuliharaan alam daripada sisa industri tersebut juga perlu diambil cakna.

Bertuahnya, Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam (SMKPA), Kuala Terengganu melihat masalah yang wujud itu sebagai satu peluang dengan membina Penapis Air untuk Rawatan Sisa Industri Batik.

Meskipun nampak ringkas, produk hasil inovasi lima pelajar Tingkatan Lima SMKPA berjaya meraih pingat emas di Pertandingan Pameran Harta Intelek, Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa di Bangkok, Thailand, Februari lalu.

Kemenangan kumpulan yang diwakili Rushdina Sofea Rushdan, Nur Salsabila Abdul Rahman, Siti Nabilah Syahirah Roslan, Muhammad Ajwad Mohd Zamri dan Abi Aamar Arshad itu mengeneipkan 2,000 penyertaan dari 22 negara bagi merebut pengiktirafan, kategori alam sekitar, sekali gus menjadi sekolah harian biasa, pertama yang mengunggulinya.

Salah seorang guru pembimbingnya yang juga ketua projek, Wan Salasiah Wan Sulaiman menjelaskan, produk inovasi berkenaan kini mendapat perhatian pelbagai pihak untuk diketengahkan.

“Bermula dengan pencapaian kami memperoleh empat anugerah di 11th European Exhibition of Creativity and Innovation (EUROINVENT 2019) Romania, SMKPA mula didatangi pelbagai pihak untuk melihat sendiri inovasi ini.

“Antaranya ialah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia cawangan Terengganu dan Kelantan, Indah Water Konsortium serta sebuah kolej di Indonesia.

“Lebih manis, produk ini juga merupakan inovasi pertama yang mengangkat nama SMKPA di mata masyarakat,” katanya.

Menurutnya, bermula dengan idea pelajar untuk mengatasi pencemaran air, skop dicekalkan kepada pencemaran sisa industri batik yang popular di negeri tersebut.

Penapis yang dihasilkan bermula tahun 2018 itu mengguna sekam padi dan tanah liat sebagai bahan utama dengan kos yang amat rendah.

“Setakat ini, sebanyak 98.3 peratus kotoran iaitu sisa pewarna batik dapat disingkirkan dengan menggunakan alat itu sekaligus menjadikannya juga sesuai digunakan untuk merawat air sungai tercemar dan air sisa kumbahan,” ceritanya.

Dalam pada itu, Fauziah Md Nor yang turut menjadi salah seorang guru pembimbing menyatakan, SMKPA juga berhasrat mengangkat inovasi tersebut ke peringkat lebih tinggi.

“Kami memang berhajat supaya produk ini boleh dipasarkan secara komersial. Oleh itu, kami akan menambah baik penapis ini mengikut kesesuaian penggunaan industri,” jelasnya.

Mewakili SMKPA, beliau turut merakamkan rasa terima kasih kepada semua pihak termasuk pensyarah juruterapan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Abdul Rahman Hassan, yang membantu menjayakan inovasi berkenaan sehingga ke peringkat antarabangsa.



# AKADEMI DIDIK ULAMA AMILIN TERENGGANU - DUAT

AKADEMI DIDIK ULAMA AMILIN TERENGGANU - DUAT



09-620 5129 / 09-6205204



AKADEMI DIDIK ULAMA AMILIN TERENGGANU - DUAT



@duat\_terengganu



PT 3848, NO 62 Tingkat 4, Paya Keladi,  
Jalan Banggol, 20100 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.

## VISI DUAT

Melahirkan rakyat Terengganu yang sejahtera pada emosi dan spiritualnya selaras dengan moto "Terengganu Maju, Berkat dan Sejahtera".

## MISI DUAT

Menjadi badan yang memperkaderkan dan melatih para pendakwah serta menyebarkan kefahaman Islam dalam masyarakat Terengganu.

## OBJEKTIF DUAT

1. Membina dai yang kompeten, berketerampilan, berakhlak dan bertanggungjawab serta memperkasakan dai sedia ada.
2. Mempelbagaikan strategi dakwah yang bersesuaian dan menepati sasaran.
3. Melahirkan masyarakat yang memahami dan menghayati agama (rabbani).

## PENGENALAN DUAT

Akademi Didik Ulama Amilin Terengganu - DUAT telah ditubuhkan pada 24 Jamadilakhir 1440H bersamaan 1 Mac 2019. Tertubuhnya Akademi DUAT bagi menyempurnakan teras keberkatan yang merupakan antara prinsip asas kepada pentadbiran dan pembangunan negeri Terengganu. Sorotan sejarah membuktikan bahawa bumi Darul Iman ini telah menjadi 'pusat' kelahiran para ulama dan dai yang terulung semenjak zaman pra kemerdekaan lagi. Justeru, bagi menyambung kesinambungan semarak dakwah ulama silam, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar telah mengumumkan penubuhan Akademi DUAT ketika Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Terengganu Keempat Belas yang berlangsung pada 25 November 2018. Methodologi Dakwah yang lebih inklusif dan kontemporari bakal digarap dalam melahirkan rakyat yang menghayati dan memahami falsafah Islamiyyah yang hakiki

## AHLI PENGURUSAN AKADEMI DUAT

### PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN INSAN DAKWAH DAN PENERANGAN NEGERI TERENGGANU

YB USTAZ MOHD NOR BIN HAMZAH

### TIMBALAN PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN INSAN DAKWAH DAN PENERANGAN NEGERI TERENGGANU

YB USTAZ RIDZUAN BIN HASHIM

PENGAHAK AKADEMI DIDIK ULAMA AMILIN TERENGGANU - DUAT

USTAZ MUHAMMAD RAMLAN BIN HJ MAHMOOD

PENOLONG PENGAHAK OPERASI AKADEMI DIDIK ULAMA AMILIN TERENGGANU - DUAT

USTAZ WAN AHMAD ZUKI BIN WAN ISMAIL

PENOLONG PEGAWAI TADBIR

SUMAIYAH MOHD NASIR

PEGAWAI SERANTA - UNIT AKTIVITI DAN PROGRAM

MUHAMMAD ASYRAF BIN MAHMOOD

PEGAWAI SERANTA - UNIT PENYELIDIKAN DAN KAJIAN

ALIFAH AQILAH BINTI MUHAMED

PEGAWAI SERANTA - UNIT PENERBITAN

MUHAMMAD SYAHID IMADUDDIN BIN MUKHTAR

PEGAWAI SERANTA - MAJLIS DAIE TERENGGANU

KHAIRUL HUDA BIN MUHAMAD  
ILHAMI NADHRAH BINTI HAMZAH

PENOLONG PEGAWAI SERANTA DUAT DUN -32 DUN

# PRIMULA

PERKHIDMATAN  
PENGHANTARAN  
MAKANAN



PRIMULA  
BEACH HOTEL  
KUALA TERENGGANU  
*A Beginning...*

- ★ Penghantaran **PERCUMA!!**
- ★ Jarak 10KM radius
- ★ Tempahan minima RM20
- ★ Waktu penghantaran :  
12.00tengahari / 4.00petang

## MENU

Salmon Delight	RM20
Chicken Chop	RM15
Kambing Bakar	RM15
Lempeng Nyior	RM10
Rojak Popia	RM10
Cream Caramel	RM7

## MENU KANAK-KANAK

Ultraman	RM15
Chicken Wing	RM15
Spiderman	RM10
Mini Burger	RM10

## PILIHAN SALAD

Tuna	RM10
Vegetables Salad	RM10
Breaded Chicken	RM10
Mango Salad	RM10

## SET MENU

Nasi Timur Tengah	RM25
Sup, Ayam Panggang & Acar	
Set Menu D'Bayu	RM20
Nasi Putih, Sambal Udang, Sayur Campur 'Chinese Style'	
Nasi Minyak 'Ayohku'	RM15
Gulai Daging & Acar Nenas	

- Pembayaran tunai semasa penghantaran atau secara dalam talian  
**BIMB 1301 7010 821912**
- Tertakluk kepada terma & syarat



*Tempah sekarang*

012-9334100 RESTORAN BAYU  
017-9262617 ZAMRI  
013-9073222 RAHIMAH  
017-9566881 KAMAL  
017-9682658 LINDA  
012-9853215 SHIDA



Primula Beach Hotel



@primulabeachhotel

